



# INILAH KISAH KITA

Noor 'Aina Abdul Razak

Sudah 32 tahun kita tinggalkan bumi di seBalik Pulau itu. 32 tahun tetap masih terasa seperti baru saja berlalu. Zaman kanak-kanak Ribena bergelumang tawa ria gurau senda sesama kita. Seseekali bila berjumpa, cerita kita tak pernah sunyi daripada kisah-kisah 32 tahun yang lalu.

Tabun ini, tarikh 31 Ogos muncul lagi. Ia pasti muncul bersama nostalgia kita ketika menetap di Pondok Upeh dahulu. Setiap kali muncul tarikh keramat buat Malaysia, kita tak pernah sunyi daripada pelbagai acara.

Sambutan merdeka kita dipenuhi pelbagai aktiviti yang telah disusun buat para warga. Masih ingat tak lagi? Persembahan pentas tingkatan kita? Bila komunis bermaharajalela di kampung-kampung. Memusnahkan harta benda dan juga manusia.

Persembahan yang menjadi sebutan para warga ketika itu. Viral! Ketika zaman kita tiada facebook, tiktok dan insta. Si komunis durjana lakonan Mat Wak yang sanggup merosakkan mak dan anak dara. Kunci-kuncunya yang tumpang sekaki menodai wanita yang ada. Kain batik dilempar dari bujung sini ke sana pentas, simbolik peristiwa. Di sebalik tirai merah cuba menggambarkan kekejaman yang berlaku zaman Jepun menjadi penjajah! Ali, Ana dan Ida satu keluarga babagia musnah sekelip mata. Hang memang jahat Mat Wak, sesuai dengan muka komunis!

Lakonan yang sangat mantap daripada semua. Tepukan gemuruh memecah Dewan Besar kita pada malam merdeka. Stroboskop makmal mana yang jadi mangsa? Kesan penggunaannya sangat memukau penonton yang setia.

Setiap tahun menjelang merdeka, detik 12 malam pasti ditunggu kita. Union Jack diturunkan dan bendera Malaysia dinaikkan dengan bangga. Berkumandang nyanyian Negaraku di tengah malam membelah bukit bukau di sekitar sekolah. Dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, detik 12 malam pasti tertera dalam minda.

Deklamasi puisi dan sajak sudah tentu ada. Ingatkan kita pada si genit kak Zeti Akhtar yang sangat berbakat dalam bidangnya. Bila melantun puisi, meremang bulu roma. Kita juga ada wakil. Cik Mar dengan puisi Ke Makam Bonda pada satu sambutan merdeka. Juga Akram dengan "kota yang dibina dari tulang temulang".

Hari Merdeka, pernah juga kita berarak melaungkan "Merdeka! Merdeka! Merdeka!" Dengan pakaian ala-ala orang kampung. Lelaki berpelikat dan t-shirt pagoda, yang perempuan berkain batik dan baju Kedah. Kita bermula dari luar pagar, berarak masuk ramai-ramai ke dalam kawasan sekolah. Sembang gelak ketawa saja yang lebih. Laungan Medeka! hanya semangat bila mula mengorak langkah. Makin lama, makin halus bunyinya. Yang didengar hanya Deka! Deka! Deka!

Koir kemerdekaan dan pertandingan kawad juga ada. Semuanya bagi mengisi sambutan Hari Merdeka. Tabun ini, bagaimana pula kita menyambutnya? Kita hanya mengimbau kisah yang kita lalui pada masa lampau dengan senyuman terukir di bibir. Begini rupanya kita satu ketika dulu. Inilah kisah kita.

-NAAR-